

Melaka bentang inisiatif tangani perubahan iklim di Dubai

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH – Kerajaan Negeri Melaka terpilih antara tujuh negara membentangkan inisiatif menangani perubahan iklim pada Expo Dubai City, COP28 Blue

Zone yang diadakan di Dubai, Emiriah Arab Bersatu, pada Selasa.

Ia bersempena forum *ICLEI Responding to Climate Emergency in the Global South*, yang mana Kerajaan Melaka telah di-

wakili Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri, Datuk Rais Yasin.

Pada sesi tersebut, Rais telah menyampaikan pembentangan bertajuk *Pivotal Role of Melaka in*



RAIS ketika menyampaikan pembentangan pada forum berkenaan.

Addressing The Climate Emergency.

Rais dalam satu sesi rakaman video selepas forum berkenaan memaklumkan, pembentangan itu berkisar mengenai inisiatif dan langkah-langkah yang telah dijalankan Kerajaan Negeri bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) negeri untuk menangani impak perubahan iklim.

Jelas beliau, antara inisiatif yang telah dibentangkan ialah transformasi Sungai Melaka iaitu daripada sungai yang kotor hingga ia berubah menjadi tarikan pelancongan bertaraf dunia.

“Selain itu, saya juga turut membentangkan inisiatif Zon Bebas Kenderaan di Banda Hilir pada setiap Sabtu bermula jam 6 petang hingga 12 tengah malam.

“Inisiatif ini dilaksanakan Kerajaan Negeri bagi mengurangkan pelepasan karbon di lokasi tumpuan pelancong yang mana ia bukan sahaja terpakai untuk ra-

kyat Melaka, tetapi juga pelancong yang datang,” katanya.

Tambah Rais, meskipun pelbagai inisiatif telah dilaksanakan, namun beliau percaya masih banyak perlu dilakukan sebagai langkah kesiapsiagaan negeri ini mengatasi impak perubahan iklim.

Namun, jelasnya, tindakan itu bukan hanya terletak pada bahu Kerajaan Negeri dan PBT, bahkan ia merupakan tanggungjawab secara bersama.

“Pada pembentangan itu juga, saya turut memaklumkan komitmen Kerajaan Negeri Melaka dalam memastikan inisiatif ‘low carbon footprint’ terus diperkasa bagi masyarakat berseديa berhadapan dengan impak perubahan iklim pada masa akan datang,” katanya.

Selain Kerajaan Negeri Melaka, forum berkenaan turut disertai pembentang dari Colombia, Ghana, Chile, Brazil dan Sierra Leone.

MELAKA HARI INI

**06 - 251 9314 (Am)
018 - 329 9936
(Pengiklanan)**

FAX : 06 - 251 9316

**PEMANGKU KETUA
PEGAWAI EKSEKUTIF
NASHARUDDIN
MUHAMMAD**

**KETUA PENGARANG
MOHD SALMAN HAMAT**